

# RM13 juta kos kemudahan UMS-KAL

**L**ABUAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperuntukkan RM13 juta bagi memastikan penyediaan pelbagai kemudahan di Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), di sini dilaksanakan secara berperingkat pada sesi 2009/2010.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon, berkata bagi sesi 2010/2011, UMS menambah RM10 juta lagi bagi memastikan pelbagai prasarana, termasuk kolej penuntut dinaik taraf, sejajar status UMS-KAL sebagai kampus antarabangsa.

Katanya, menjelang Disember 2012 atau awal 2013, UMS-KAL akan bertukar imej menjadi kampus dipenuhi pelbagai jenis pokok yang dijalankan mengikut projek Taman Ilmu.

Dr Kamaruzaman berkata, universiti berkenaan membelanjakan RM500,000

untuk memastikan penuntut menikmati bekalan air pada Januari lalu.

Beliau berkata, UMS juga sudah membelanjakan RM2.5 juta untuk memastikan bekalan air disalurkan ke setiap tingkat dan bilik pelajar dan ia dijangka siap sepenuhnya hujung bulan ini.

"Semua perubahan ini tidak boleh disiapkan dalam sekilip mata. Pelbagai perancangan harus dibuat bagi memastikan projek itu berjalan lancar," katanya.

Beliau berucap pada Program Jom Ceria UMS-KAL 2010 dan pelancaran program 1Malaysia 1UMS, Kampus Ceria, di kampus UMS-KAL, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (TNC) Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Rosnah Ismail; TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr Kassim Kadir Omang. Dr Kamaruzaman turut



**KAMARUZAMAN** (tiga dari kiri) meletakkan papan tanda bangunan Klinik Kesihatan di UMS-KAL sempena program Jom Ceria UMS-KAL 2010.

Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Dr Kamaruzaman turut

meletakkan papan tanda Klinik Kesihatan yang akan beroperasi pada 2011, Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) dan Teratak Kelab Suri dan

Kakitangan Wanita UMS berhampiran kolej penuntut perempuan, selain melancarkan Taman Ilmu UMS-KAL.

"UMS mahu mewujudkan

suasana harmoni yang bakal memberi manfaat kepada semua tenaga akademik, kakitangan awam dan penuntut UMS-KAL," katanya.